



01 JUN, 2024

MyCIF labur bersama RM289 juta dalam 3f587 PMKS

Utusan Sarawak, Malaysia

Page 1 of 2

MyCIF labur bersama RM289 juta dalam 3,587 PMKS

KUALA LUMPUR: Malaysia Co-Investment Fund (MyCIF) melabur bersama sebanyak RM289 juta dalam 3,587 perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS) menerusi platform pembiayaan alternatif tahun lepas.

MyCIF ialah dana pelaburan bersama yang ditubuhkan oleh Kementerian Kewangan (MOF) sempena Belanjawan 2019 untuk melabur bersama dalam PMKS melalui platform pendanaan ramai berdasarkan ekuiti (ECF) dan pembiayaan antara rakan setara (pembiayaan P2P).

Pengerusi Suruhanjaya Sekuriti (SC) Datuk Seri Dr Awang Adek Hussin berkata "MyCIF telah memacu hampir RM2 bilion pelaburan swasta melalui jumlah pelaburannya tahun lepas, membuktikan peranan pentingnya dalam memupuk pertumbuhan segmen ECF dan pembiayaan P2P."

"Sektor pertanian khususnya menyaksikan peningkatan sebanyak 86 peratus dalam penerbit yang disokong oleh skim pertanian MyCIF," katanya dalam satu kenyataan ketika mengulas mengenai Laporan Tahunan MyCIF 2023 yang diterbitkan kelmarin.

Selain itu, beliau berkata MyCIF mampu mencapai kadar yang lebih tinggi bagi PMKS di luar Lembah Klang iaitu 49 peratus daripada 40 peratus pada tahun sebelumnya. Ini membuktikan MyCIF menyokong keterangkuman dalam kalangan PMKS, katanya.

Menurut kenyataan itu, sejak penubuhannya, MyCIF menerima jumlah peruntukan sebanyak RM250 juta daripada kerajaan, dan berjaya melabur bersama RM930 juta dalam lebih 6,000 PMKS, mencapai kesan berganda sebanyak 3.7 kali. – Bernama



01 JUN, 2024

MyCIF labur bersama RM289 juta dalam 3f587 PMKS

Utusan Sarawak, Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

KUALA LUMPUR: Malaysia Co-Investment Fund (MyCIF) melabur bersama sebanyak RM289 juta dalam 3,587 perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS) menerusi platform pembiayaan alternatif tahun lepas. MyCIF ialah dana pelaburan bersama yang ditubuhkan oleh Kementerian Kewangan (MOF) sempena Belanjawan 2019 untuk melabur bersama dalam PMKS melalui platform pendanaan ramai berasaskan ekuiti (ECF) dan pembiayaan antara rakan setara (pembiayaan P2P).